

Tutorial ICT

Bersama FIRKHAN
firkhan.uthm@yahoo.com



Padam data peranti Apple

KADANGKALA pemadaman data dan tetapan bagi sesbuah peralatan berasaskan Apple seperti iPhone, iPad atau iPod Touch sangat penting dalam beberapa keadaan.

Terdapat banyak sebab perkara ini perlu dilakukan seperti keperluan untuk menjualnya atau memindah milik kepada orang lain. Oleh itu, sebelum peranti berasaskan Apple atau iOS ini bertukar milik, penting untuk mengalih keluar semua kandungan daripada peranti dengan betul.

Namun begitu, tujuan utama adalah untuk padamkan kesemua data dan tetapan di dalamnya dan kembalikan ke tetapan kilang.

Panduan ini boleh digunakan untuk menghapus semua kandungan dan tetapan bagi peranti iPhone, iPad, iPod Touch dan mengembalikannya ke tetapan kilang.

Sebelum melaksanakan langkah-langkah berikut, pastikan penyandaran peranti iOS telah dibuat sekiranya diperlukan kandungan itu kemudian.

Setelah pemadaman data dan tetapan dibuat, kandungan atau tetapan asal sebelumnya tidak boleh didapatkan semula.

1 Buka Settings dan pergi ke General > Reset dan tap pada pilihan Erase All

Content and settings.

2 Ini mungkin menggesa untuk membuat sandaran peranti bagi pemadaman semua kandungan. Oleh itu, pilih pilihan yang sesuai seperti *Backup Then Erase*, *Erase Now* dan *Cancel*. Buat sandaran peranti.

3 Seterusnya, masukkan kod laluan atau kata laluan ID Apple sekiranya peranti itu dilindungi.

4 Selepas memasukkan kata laluan, sahkan bahawa mahu memadamkan semua kandungan dari peranti iPhone, iPad, atau iPod.

5 Sekarang, biarkan peranti berfungsi dan padamkan semua kandungan daripadanya. Ini mungkin mengambil sedikit masa bergantung pada saiz data pada peranti anda.

Semasa proses ini berlaku, jika memasuki kod laluan salah sebanyak enam kali secara berterusan maka, iPhone atau iPad akan terkunci dan menunjukkan mesej pada skrin, seperti pada iPhone, *iPhone is Disabled*. Jika terlupa kod laluan dalam kes itu, pemadaman peranti boleh menggunakan aplikasi iTunes sekiranya telah dinyahaktif sebelum itu atau menggunakan mod pemulihan untuk pengosongan kata laluan.